

Headline	Pertubuhan Peladang Kawasan Beluran dijadikan HUB sarang burung walet pertama di		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	26 Oct 2019	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	11,025
Page No	5	Readership	33,075
Language	Malay	ArticleSize	323 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 715
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,146



Pertubuhan Peladang Kawasan Beluran dijadikan HUB sarang burung walet pertama di Malaysia

BELURAN: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan menjadikan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran sebagai HUB pemrosesan sarang burung walet pertama di Malaysia.

Untuk itu, difahamkan bahawa sejumlah RM 3.0 juta diperuntukkan untuk menjadikan daerah berkenaan sebagai HUB pengeluaran sarang burung walet selepas beberapa isu diselesaikan

dengan pihak Kerajaan Negeri.

Demikian menurut Pengerusi LPP iaitu Datuk Mazlan Aliman semasa menyampaikan ucapan dalam Majlis Perasmian Karnival Sarang Burung Walet 2019 peringkat Daerah Beluran yang telah berlangsung pada 16 dan 17 Oktober lepas, dekat sini.

Dalam pada itu, penganjuran Karnival Sarang Burung Walet telah diisi dengan pelbagai aktiviti

antaranya seperti program lelongan sarang burung walet dan pembentangan kertas kerja dari Jabatan Hidupan Liar Sandakan dan pihak Agrobank sebagai agensi yang menawarkan pembiayaan pembinaan rumah burung walet.

Pada majlis itu, Mazlan menyampaikan Peruntukan TPUP kepada empat orang usahawan yang berjumlah RM 161,000 dan menyaksikan perjanjian persefahaman (MOU) pemasaran

sarang burung walet antara PPK Beluran dengan Syarikat Duta Sialin Biotechnology Sdn Bhd.

Turut hadir sama adalah Pengarah LPP Sabah, Anita Misuari; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sugut merangkap Pengerusi PPK Beluran, Datuk James Ratib; Pengarah FAMA Negeri Sabah, Ripin Wahid dan Pengarah Bahagian Usahawan LPP Kuala Lumpur, Amir Matami. **-Oleh Rozzalin Hashim**



PENERIMA... Para penerima untuk Projek Pembalakan dan Pembesaran Rumah Burung Walet melalui TPUP (LPP) itu.



PERJANJIAN... Termeterai perjanjian persefahaman perniagaan pemasaran sarang burung walet antara PPK Beluran dengan Syarikat Duta Sialin Biotechnology Sdn Bhd.